

Nasional

empowerNCER pacu ekonomi Orang Asli

Program tingkat kemahiran, keusahawanan jana pendapatan baharu

Batang Padang: Program Latihan Kemahiran dan Keusahawanan empowerNCER adalah program yang dilaksanakan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) dalam memenuhi hasrat kerajaan membantu golongan B40, termasuk suri rumah, ibu tunggal dan belia bagi menjana pendapatan melalui keusahawanan atau penempatan pekerjaan.

Program ini juga antara usaha kerajaan meningkatkan sosioekonomi rakyat untuk keluar daripada kelompok B40 kepada M40. Baru-baru ini, satu majlis sesi

taklimat program empowerNCER bersama 160 pemimpin dan masyarakat Orang Asli daerah Batang Padang diadakan di Dewan Merdeka, Tapah.

Taklimat berkenaan antara usaha gerak kerja dalam memberikan pengetahuan dan peluang beberapa kursus kemahiran serta keusahawanan yang akan dilaksanakan NCIA kepada penduduk Orang Asli di sekitar daerah itu.

Taklimat program berkenaan yang diadakan dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia (JAKOA) Perak dan daerah Batang Padang-Muallim, mendapat sambutan baik serta memberi manfaat kepada peserta Orang Asli yang bakal menyertai kursus diadakan.

Sekurang-kurangnya 12 kali kelas akan diadakan untuk setiap kursus.

Ketua Pengarah JAKOA, Prof Dr Juli Edo, ketika berucap pada majlis itu, berkata beliau percaya



Pemimpin dan masyarakat Orang Asli daerah Batang Padang mendengar taklimat program empowerNCER di Dewan Merdeka, Tapah, baru-baru ini.

melalui program seperti ini, ia dapat mewujudkan beberapa peluang perniagaan bagi komuniti Orang Asli setanding dengan masyarakat lain di negara ini.

Beliau yakin, program ini mampu membantu menjana pendapatan baharu untuk masyarakat Orang Asli.

Yang turut hadir, Ketua Pejabat NCIA Perak dan Pulau Pinang, Jariyah Hashim, Pengarah JAKOA Perak dan Kedah, Hairulnizam Abdul Rahman serta Pengarah Projek Program em-

powerNCER@ Perak dan Pulau Pinang, Shamsulkahar Abdul Shukur.

NCIA melalui penyedia perkhidmatan yang dilantik, UMP Advanced Education akan melaksanakan beberapa kursus kemahiran dan keusahawanan di daerah itu yang mana peserta terpilih akan dapat menjalani kursus amali, diikuti pemantauan enam bulan tanpa perlu membayar yuran program.

Antara kursus ditawarkan termasuk bakeri dan pastri, kuli-

nari dan pemprosesan sejuk beku, jahitan dan rekaan fesyen, pendawaian elektrik domestik dan industri serta dandanan rambut.

Pihak NCIA masih membuka permohonan kepada 200 golongan B40 dari daerah Batang Padang untuk menyertai program empowerNCER.

Program empowerNCER peringkat negeri dirasmikan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu pada 14 Januari lalu.